



PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

## **TEKS UCAPAN**

**YB DR. ZALIHA MUSTAFA**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**  
**(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

## **SEMPENA**

**MAJLIS PENGHARGAAN DAN PENYAMPAIAN**  
**INSENTIF KEMENANGAN ATLET PARA SUKMA**  
**WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

**4 NOVEMBER 2024**

**DORSETT GRAND LABUAN**

Terima kasih pengacara majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ،  
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى  
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ  
الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ  
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

**SALUTASI AKAN DISEDIAKAN**

Assalamualaikum                      warahmatullahi  
wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam  
Malaysia MADANI.

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat bersama-sama pada malam ini bagi meraikan atlet Para SUKMA ke-21 kontinjen Labuan.
2. Saya ingin memulakan ucapan saya dengan rakaman tahniah kepada semua atlet yang berada di hadapan saya ini.

3. Alhamdulillah, dengan komitmen semua pihak, kontinjen Labuan telah berjaya memungut sebanyak 7 pingat iaitu 3 emas, 3 perak dan 1 gangsa. Saya difahamkan, pencapaian pingat emas pada tahun ini meningkat 1 pingat berbanding kejohanan Para SUKMA yang lalu pada tahun 2022, di mana kontinjen Labuan hanya menerima 2 pingat emas sahaja.

4. Saya sebut nama penerima pingat, mohon untuk berdiri dan semua sila berikan tepukan yang gemuruh kepada:

- a. Rozabell Rozell Parinus
- b. Avrinda Anis
- c. Asmaliza Tuah
- d. Labo bin Taulim
- e. Rafli bin Suhaili

Tahniah kepada anda semua. Silakan duduk.

## **MOTIVASI ATLET PARA SUKMA SETELAH REKOD DUNIA PARALIMPIK PARIS 2024**

Hadirin sekalian,

5. Para SUKMA ini merupakan antara kejohanan yang menjadi platform untuk mengetengahkan bakat-bakat baharu dalam kalangan atlet Orang Kurang Upaya atau OKU. Melalui penyertaan ini, kita bukan sahaja mendidik masyarakat tentang inklusiviti, malah juga turut memperkukuhkan sokongan terhadap golongan OKU dalam sektor sukan.

6. Saya percaya, serba sedikit anda semua menerima kekuatan dan semangat baru selepas kita semua menyaksikan kejayaan Malaysia dalam memecah rekod dunia pada Paralimpik Paris melalui atlet Bonnie Bunyau dalam sukan Para *powerlifting*.
  
7. Ini sudah semestinya patut dijadikan satu motivasi kepada atlet Para di Labuan untuk terus melakar kejayaan. Jika mereka boleh, anda semua juga pasti boleh!

8. Insya-Allah, untuk Paralimpik Los Angeles pada 2028 nanti, saya mahu melihat lebih ramai lagi bintang Wilayah Persekutuan, termasuk Wilayah Persekutuan Labuan dicipta.



## **INSENTIF KEPADA ATLET PARA SUKMA YANG MENERIMA PINGAT**

Hadirin sekalian,

9. Hari ini saya hadir ke majlis ini untuk melunaskan janji saya pada 19 September 2024 yang lalu. Pada majlis di Kuala Lumpur itu, saya telah umumkan bahawa Jabatan Wilayah Persekutuan telahpun bersetuju untuk memberikan insentif kepada atlet Para SUKMA Wilayah Persekutuan yang berjaya membawa pulang pingat.

10. Sehubungan itu, seperti yang dijanjikan, saya ingin umumkan insentif yang disediakan kepada atlet yang menerima pingat seperti berikut:

- i. bagi penerima pingat emas, Jabatan Wilayah Persekutuan telahpun bersetuju untuk memberikan insentif sebanyak RM 3,000.00;
- ii. manakala bagi penerima pingat perak pula, insentif yang telah dipersetujui adalah sebanyak RM 1,200.00; dan

- iii. bagi pingat gangsa pula, kita telah bersetuju dengan insentif sebanyak RM 800.00.
11. Tidak dilupakan juga kepada jurulatih pasukan. Saya juga ada umumkan sebelum ini bahawa akan ada juga insentif diberikan kepada jurulatih yang dapat membawa atlet menggendam pingat emas. Sehubungan itu, Jabatan Wilayah Persekutuan telah bersetuju untuk menghadiahkan insentif sebanyak RM 1,000.00 kepada jurulatih yang terlibat.

12. Dengan insentif yang telah dipersetujui ini, jumlah keseluruhan insentif kemenangan bagi Para SUKMA ke-21 untuk kontinjen Labuan sahaja adalah berjumlah RM 16,400.00. Tahniah saya ucapkan kepada semua yang menerima.

## **KERAJAAN MADANI BERI FOKUS KEPADA SUKAN PARA**

Hadirin sekalian,

13. Insentif ini adalah buat pertama kalinya kita berikan kepada atlet Para SUKMA di Wilayah Persekutuan dan ini membuktikan bahawa Kerajaan MADANI pada hari ini cakna dan prihatin kepada semua peringkat rakyat tanpa mengira tahap keupayaan, termasuk golongan OKU.

14. Pada pembentangan Belanjawan 2025 baru-baru ini juga, YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim telah pun menyentuh berkenaan pemerkasaan sektor sukan negara termasuk sukan Para. Peruntukan lebih RM 230 juta disediakan melibatkan program podium, latihan atlet dan Road to Gold serta persiapan atlet Para menjelang sukan Para dunia termasuk Deaflympic Tokyo 2025.

15. Sehubungan itu, saya percaya, *we are on the right track* dalam pemeraksanaan bidang sukan negara, khususnya melibatkan atlet Para. Insyallah dengan usaha Kerajaan MADANI ini, Malaysia akan terus melahirkan atlet yang cemerlang dan tidak akan ketandusan bakat baru.

## **PENUTUP**

Hadirin sekalian,

16. Saya berharap insentif ini dapat memberikan sedikit motivasi kepada atlet dan jurulatih untuk terus menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam kejohanan SUKMA yang akan datang di Selangor.



17. Saya dimaklumkan, ramai atlet Para kelahiran Wilayah Persekutuan 'lari' mewakili negeri lain kerana kekurangan fasiliti yang baik dan insentif yang menarik perhatian. Saya minta untuk Jabatan Belia dan Sukan Labuan teliti semula perkara ini dan melihat kaedah yang bersesuaian untuk melahirkan lebih ramai atlet Para yang berkualiti.

18. Namun begitu, tugas ini semestinya tidak boleh hanya diletakkan di bahu Jabatan Belia dan Sukan Labuan semata-mata, tetapi semua pihak perlu berganding bahu termasuk peranan Jabatan Pendidikan, sekolah-sekolah sukan dan persatuan-persatuan sukan juga perlu diaktifkan bagi melahirkan lebih ramai atlet yang bertaraf dunia.
  
19. Insya-Allah, dengan kerjasama semua pihak, saya yakin pembangunan atlet di Wilayah Persekutuan secara keseluruhannya, dan Labuan khususnya akan dapat kita perkasakan.

20. Sekali lagi, tahniah saya ucapkan kepada semua atas kejayaan di Para SUKMA Sarawak baru-baru ini dan saya berharap semoga sukan Para di Labuan ini akan terus berkembang dan diberi perhatian.

21. Untuk itu, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya menyempurnakan Majlis Penghargaan dan Penyampaian Insentif Kemenangan Atlet Para SUKMA Wilayah Persekutuan Labuan.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.